

Suarakan Kebimbangan Anda

Di Maclean, kami komited untuk menjalankan perniagaan berasaskan integriti, adil, dan hormat terhadap hak asasi manusia. Melalui proses suarakan kebimbangan anda ini, kami berhasrat menjadikan setiap laporan mudah diakses, dihormati, dan berkesan untuk semua yang mungkin terjejas oleh aktiviti perniagaan kami.

Jika anda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai tingkah laku yang tidak beretika, amalan buruh, keselamatan tempat kerja, isu alam sekitar, atau kemungkinan pelanggaran terhadap dasar atau undang-undang yang berkuat kuasa, kami menggalakkan anda untuk bersuara.

Setiap kebimbangan yang disuarakan dengan niat baik membantu kami memperbaiki persekitaran tempat kerja, melindungi hak dan kesejahteraan pekerja, serta mengukuhkan kelakuan perniagaan kami yang bertanggungjawab.

Mekanisme aduan kami terbuka kepada semua pihak dalaman dan luaran dan direka untuk memastikan kebimbangan diterima, disemak, dan ditangani secara adil, sulit, dan tepat pada masanya.

Bagaimana Aduan Anda Akan Ditangani

Setiap aduan akan disemak melalui proses yang teratur dan tidak berat sebelah:

1. Mengakui penerimaan apabila maklumat diberikan.
2. Menyemak dan menyiasat kebimbangan secara adil dan sulit.
3. Mengambil tindakan yang sesuai dan memaklumkan hasilnya jika berkenaan.

Siapa Boleh Mengemukakan Kebimbangan atau Cadangan?

Sesiapa sahaja boleh mengemukakan aduan, kebimbangan, atau cadangan, termasuk pekerja, pemohon kerja, rakan perniagaan, dan orang awam.

Apa Yang Boleh Dilaporkan?

Anda boleh melaporkan kebimbangan berkaitan buruh dan hak asasi manusia, tingkah laku di tempat kerja, kesihatan dan keselamatan, amalan alam sekitar, etika perniagaan, pelanggaran dasar, atau pelanggaran undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

Kerahsiaan dan Perlindungan Daripada Tindakan Balas

Maclean melindungi individu yang mengemukakan kebimbangan atau melaporkan aduan dengan niat baik daripada tindakan balas dan akan melindungi identiti mereka sejauh mana yang praktikal. Tindakan balas adalah pelanggaran serius terhadap dasar syarikat dan akan diambil tindakan sewajarnya.

Cara Mengemukakan Aduan

Aduan boleh dikemukakan aduan melalui mana-mana saluran berikut. Anda boleh menggunakan borang aduan melalui Google Form, atau memberikan butiran dengan melaporkan melalui e-mel, pos, atau telefon.

- Pautan Google Form
<https://forms.gle/qTXHSt93oyWDRDqG9>



- Email Pegawai Pematuhan
compliance@maclean.com.my
- Alamat Surat menyurat :
Pegawai Pematuhan
Macleans Services Sdn. Bhd.
3, Jalan PJS 5/6, Taman Desaria,
46000 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
- Telefon: +603-7773 0300 Ext 101
Isnin hingga Jumaat, 9.00 pagi hingga 5.00 petang

Pelaporan Tanpa Identiti

Pelaporan tanpa identiti penghantar adalah diterima. Walau bagaimanapun, memberikan maklumat hubungan akan membolehkan kami mendapatkan maklumat tambahan, menjalankan siasatan dengan lebih teliti, dan, jika sesuai, memaklumkan hasil kepada anda.

Aduan harus dibuat dengan jujur dan berniat baik. Tuduhan palsu atau berniat jahat boleh mengakibatkan tindakan sewajarnya diambil, tetapi tiada tindakan akan diambil terhadap sesiapa yang mengemukakan kebimbangan yang sah dengan niat baik.